

KEMAHIRAN LITERASI ICT DALAM KALANGAN PELAJAR IBAN DI LUAR BANDAR SIBU, SARAWAK. ISU DAN CABARAN

Wilma Ngian Anak Belalang

Mohd Jasmy Bin Abd Rahman

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan kemahiran literasi ICT dalam kalangan pelajar kaum Iban. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) ada menyatakan signifikan merapatkan jurang pencapaian pendidikan dalam kalangan pelajar berdasarkan pelbagai latar belakang. Kaum Iban adalah salah satu etnik yang terdapat di Bumi Kenyalang kebanyakannya tinggal di pesisiran pantai dan pedalaman Sarawak. Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tahap kemahiran ICT berdasarkan jantina dan meninjau tahap kemahiran ICT pelajar Iban di luar bandar. Selain itu kertas ini juga memfokuskan perbezaan tahap kemahiran ICT berdasarkan umur. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui penggunaan satu set instrumen kemahiran ICT (borang soal selidik) yang melibatkan pelajar kaum Iban di daerah luar bandar Sibu, Sarawak. Secara teoritikal dijangkakan dapatan kajian ini adalah keseluruhan pelajar Iban di luar bandar kurang pengetahuan dalam kemahiran literasi ICT disebabkan faktor-faktor seperti kurangnya kemudahan ICT, persekitaran, rakan sebaya dan sebagainya. Diharapkan kertas konsep ini dapat mengenalpasti dengan lebih mendalam tentang isu dan cabaran kemahiran ICT dalam kalangan pelajar Iban apabila dilakukan kajian secara tinjauan kaedah kuantitatif dan kualitatif pada masa akan datang.

Kata kunci: kemahiran, literasi ICT, etnik Iban

Abstract

This concept paper discusses ICT literacy skills among students from the Iban ethnic in Sarawak. Malaysian Education Development Plan (2013-2015) states the significant of bringing closer the gap of education performance among students based on various background, Iban is an ethnic which scattered along the coastal and rural area of Sarawak. The purpose of this concept paper is to identify the differences of the level of ICT skills based on gender as well as to observe the level of ICT skills of Iban students from the rural area. It also focuses on the differences of level of ICT skills based on age group. The research used is a set of ICT skill instrument (questionnaires) which includes Iban students from a rural area in Sibu, Sarawak. Theoretically, it is assumed that the outcome of the research is all Iban students in rural have little knowledge in ICT literacy skills because of factors such as lack of ICT facilities, peer, and environment. It is hoped that this concept paper will thoroughly observe issues and challenges of ICT skills among Iban students when a survey method of quantitative and qualitative research are done in near future.

Keywords: skill, ICT literacy, Iban ethnic

PENGENALAN

Di dalam era globalisasi, seantero dunia telah mengetahui teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT menjadi alat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kuasa sebenar seseorang individu sebenarnya terletak kepada tahap pengetahuan mereka samada untuk kegunaan sendiri, ditambah nilai untuk perkongsian ilmu, penyebaran ilmu bermanfaat atau persaingan dalam perniagaan dan keusahawanan dan berbagai tujuan lain. Manusia yang berilmu dan mempunyai daya kepimpinan menjadi faktor ikutan kepada mereka yang kurang berilmu yang bertindak sebagai pengikut. Kemahiran mendapatkan ilmu menjadi teras kepada literasi ICT. Foo dan Chan (2000) menyatakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap individu dalam milenium yang baru ialah literasi ICT. Dengan perubahan ini, cara pengendalian pendidikan di seluruh dunia akan juga berubah disebabkan oleh penggunaan teknologi maklumat ini. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) ada menyatakan signifikan merapatkan jurang pencapaian pendidikan dalam kalangan pelajar berdasarkan pelbagai latar belakang. Literasi ICT adalah keupayaan seseorang untuk mendapatkan data untuk diolah menjadi ilmu dan maklumat yang relevan untuk digunakan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah serta menghasilkan ilmu baru untuk dikongsi atau disebarkan kepada orang lain. Literasi ICT sebagai kurikulum merupakan dua dari tiga dasar utama yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2001) dalam pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Usaha ini dilaksanakan bagi mencapai status negara maju agar 100 peratus rakyat celik ICT (Mahathir, 2002) kerana kecekapan ini boleh menentukan taraf kejayaan hidup individu, masyarakat dan negara (Hairudin, 1999). Literasi ICT yang menekankan aspek aplikasi asas, peringkat pertengahan iaitu belajar menggunakan ICT secara berkesan untuk meningkatkan kualiti kehidupan seharian. NCREL (2002) menyatakan literasi teknologi (komputer, rangkaian dan penggunaannya) adalah penting untuk semua warganegara agar berupaya mengaplikasikan kemahiran dalam situasi-situasi yang praktikal. Konsep belajar dengan teknologi, yang mana teknologi digunakan sebagai jambatan antara pengalaman pelajar dan pengetahuan sedia ada dengan ilmu yang baru diajar dan dipelajari yang merupakan intisari teori konstruktivisme (Jonassen, 2000; Grabe dan Grabe, 2004). Tugas guru pula untuk memperbaiki dan membetulkan salah tanggapan dan salah konsep. Kajian-kajian yang mengambil kira saranan-saranan yang dikemukakan oleh pakar-pakar teknologi pendidikan yang pro-konstruktivisme iaitu belajar dengan ICT perlu diperbanyakkan di Malaysia tidak kira di bandar mahupun luar bandar.

LATAR BELAKANG

Kecanggihan teknologi ICT pada era globalisasi ini sudah tidak asing lagi bagi masyarakat seantero dunia dan sering juga dipaparkan melalui media cetak dan media elektronik. Penggunaan komputer atau ICT semakin penting dan sudah menjadi suatu kewajipan dalam menjalani kehidupan seharian samada di pejabat ataupun di rumah. Wawasan 2020 menghadapi cabaran masyarakat yang hidup berasaskan sains dan teknologi sebagai salah satu agenda penting. Buta ICT perlu dibasmi dengan segera


sebagaimana usaha kerajaan membasmi buta huruf suatu ketika dahulu. Molnar (1980), menyatakan apabila wujud konsep globalisasi atau modenisasi, dunia tanpa sempadan dan konsep lain yang wujud akibat perkembangan maklumat yang pesat, dunia perniagaan dan industri memerlukan pekerja yang berkebolehan menggunakan teknologi ICT. Luehrman (1983) telah menyokong pendapat Molnar dengan mengatakan bahawa kejahilan orang ramai terhadap komputer akan membawa kepada krisis negara. Kebolehan untuk menggunakan peralatan yang berasaskan komputer adalah sama signifikannya dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira. UNESCO (1984) merumuskan bahawa perkara asas yang perlu ada dalam dunia pendidikan masa kini ialah mewujudkan program literasi komputer seluas mungkin di kalangan pelajar sekolah. Dunia ICT sudah berada di hadapan mata, maka ia harus dikuasai oleh semua pelajar tidak mengira latar belakang, tidak ketinggalan juga pelajar kaum Iban yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Tambahan pula, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menyatakan signifikannya ICT dan seharusnya para pendidik seantero dunia menyemaikan budaya ICT dan menyatakan kepentingan ICT kepada pelajar di alam persekolahan. Dengan itu pelajar kaum Iban yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman haruslah menyedari serta bertindak pantas dengan membudayakan ICT dalam kehidupan supaya tidak ketinggalan dalam meniti era modenisasi pada masa kini. Mengeksplorasi literasi ICT adalah menggabungkan pembelajaran metakognitif dan pemikiran logikal. Lebuhraya maklumat khususnya Koridor Raya Multimedia (MSC) semakin terbentuk dan telah berkembang pesat. Begitu juga Sekolah Bestari (Smart School). Literasi komputer sepatutnya bukan sesuatu yang menakutkan sebaliknya patut menjadi sesuatu yang menarik dan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat termasuk etnik Iban yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Oleh sebab itulah literasi komputer amat penting.

PERNYATAAN MASALAH

Literasi Komputer menurut F. Horton, Jr. ialah pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk memahami teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), termasuk perkakasan, perisian, sistem rangkaian sama ada rangkaian kawasan setempat, Internet, kesemua komponen lain sistem komputer dan telekomunikasi. Rosnani Jusoh (2000) telah menyatakan bahawa literasi komputer perlu dimiliki oleh setiap individu kerana ia sudah dianggap sebagai kemahiran asas dalam kehidupan. Masalah buta literasi ICT perlu diatasi yang melibatkan minat, sikap serta pengetahuan dalam penggunaannya. Berdasarkan latar belakang masalah dan persoalan yang timbul, kertas konsep ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap kemahiran literasi ICT dalam kalangan pelajar Iban. Selain itu, kajian ini dibuat adalah untuk meninjau dan mengenal pasti faktor serta memfokuskan tahap kemahiran ICT pelajar Iban di luar bandar yang mempengaruhi tahap kemahiran literasi pelajar Iban. Dalam Persidangan ICT Sedunia (WCIT) 2008 yang telah diadakan pada julung kalinya di Malaysia pada bulan Mei 2008, salah satu daripada tema utama adalah memperkasakan masyarakat (empowering society). Tema ini sudah cukup menggambarkan betapa pentingnya semua lapisan

masyarakat mendapat capaian dan penggunaan yang saksama dalam konteks dunia yang semakin bergantung kepada teknologi ICT. Ini adalah disebabkan ICT dilihat sebagai sesuatu yang dapat melangkau batasan seperti persempadanan, keadaan geografi fizikal, jantina, keupayaan, kaum dan agama. Sekiranya pelajar Iban ingin memanfaatkan sepenuhnya potensi dan kelebihan ICT terutama di dalam persekitaran, infrastruktur dan ekonomi mereka, mereka perlu cukup bersedia dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Kemahiran literasi ICT dalam kalangan pelajar Iban adalah penting dan kritikal bagi menjayakan hasrat untuk melakukan transformasi terhadap kehidupan etnik Iban agar tidak jauh ketinggalan dari masyarakat arus perdana lain. Kajian literatur menunjukkan masih kurang kajian empirikal tentang kemahiran literasi ICT dijalankan mengenai pelajar Iban khususnya dalam kemahiran literasi ICT.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Teori Konstruktivisme

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah tahap kemahiran ICT dalam kalangan pelajar kaum Iban luar bandar. Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri dari tiga konstruk iaitu minat, sikap dan pengetahuan. Kerangka konseptual pada rajah 1 diadaptasi daripada *teori konstruktivisme*. Konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia. tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina. Konsep belajar dengan teknologi, yang mana teknologi digunakan sebagai jambatan antara pengalaman pelajar dan pengetahuan sedia ada dengan ilmu yang baru diajar dan dipelajari yang merupakan intisari teori konstruktivisme (Jonassen, 2000; Grabe & Grabe, 2004). Dengan ini sangat jelas bahawa, pelajar kaum Iban luar bandar perlulah mempunyai kemahiran ICT yang baik supaya mampu menjana ilmu pengetahuan dengan aras tinggi serta mampu setanding dengan masyarakat arus perdana yang lain dalam menempuh era globalisasi ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka perbezaan tahap kemahiran ICT berdasarkan jantina dan meninjau perbezaan tahap kemahiran ICT berdasarkan umur. Selain itu kajian ini juga memfokuskan tahap kemahiran ICT pelajar Iban di luar bandar

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap kemahiran ICT berdasarkan jantina.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran ICT berdasarkan umur.
3. Mengenal pasti tahap kemahiran ICT pelajar Iban di luar bandar.

METHODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu rancangan, struktur dan strategi yang merupakan landasan bagi penilaian hipotesis. Reka bentuk kajian bertujuan membolehkan pencarian kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan. Pengkaji boleh menentukan pembolehubah dan cara bagaimana pembolehubah itu ditakrif dan dikendalikan. Reka bentuk kajian juga untuk menentukan tatacara yang termurah bagi menjawab persoalan penyelidikan (Syed Arabi Idid, 1992). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif iaitu satu kajian soal selidik yang akan menerangkan persoalan bagi suatu fenomena yang sedang berlaku dan juga seringkali bermatlamat untuk meneroka suatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Majid, 1994). Instrumen soal selidik yang akan digunakan untuk mengumpul maklumat kajian daripada 150 orang pelajar Iban tentang tahap kemahiran Literasi ICT Dalam Kalangan Pelajar Iban. Sampel kajian ini, iaitu seramai 100 orang pelajar etnik Iban. Responden yang terpilih kemudiannya akan memberi maklumat kajian dengan menjawab item-item yang terdapat dalam soal selidik mengikut skala Likert yang terdiri “Sangat Tidak Setuju”, “Tidak Setuju”, “Setuju” dan “Sangat Setuju”. Data-data kajian yang diperoleh dan dikumpul daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada sampel atau responden. Data- data ini akan dianalisis dengan kaedah statistik deskriptif. Kajian berbentuk kuantitatif ini akan dijalankan di daerah luar bandar Sibu, Sarawak.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Menurut Abd Latif (2003), kebolehan menggunakan komputer membolehkan seseorang memperoleh kuasa untuk membuka pintu-pintu ke dunia pengetahuan dan ilmu baru. Faktor penting yang mempengaruhi kemahiran literasi ICT dalam kalangan pelajar kaum Iban ialah minat, sikap dan pengetahuan. Secara teoritikalnya kajian ini mendapati pelajar kaum Iban di luar bandar kurang pengetahuan dalam kemahiran literasi ICT disebabkan seperti kurangnya kemudahan ICT, persekitaran, pengaruh rakan sebaya. Peranan ibu bapa haruslah member galakan kepada anak-anak mereka supaya membudayakan ICT dalam kehidupan seharian supaya kaum Iban mampu berjalan seiringan dengan masyarakat arus perdana yang lain di dalam era modenisasi.

Dengan membudayakan literasi ICT ini juga anak-anak mereka mendapat pengetahuan serta memperoleh ilmu baru. Masyarakat rumah panjang juga memainkan peranan penting dalam mengubah persepsi luar tentang sosial budaya kaum Iban. Masyarakat Iban haruslah menjadikan penggunaan ICT sebagai kepentingan dalam kehidupan seharian. Ketua masyarakat haruslah membuat aktiviti yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat Iban tentang keperluan ICT dan membudayakan ICT sebagai aktiviti rumah panjang. Pembudayaan ICT ini adalah dengan setiap rumah panjang masyarakat Iban perlulah ada satu komputer. Kerajaan juga perlu memberi lebih kemudahan ICT di kawasan luar bandar dan pedalaman. Penambahbaikan jalur lebar di luar bandar dan pedalaman. Dengan cadangan ini mungkin dapat menyelesaikan beberapa masalah yang di hadapi pelajar kaum Iban dalam kemahiran literasi ICT.

RUMUSAN

Kemahiran ICT yang melibatkan minat, sikap, pengetahuan, kemahiran dan kesediaan mengguna serta mengintegrasikan ICT di tahap awal pendidikan adalah sangat penting dalam membentuk dan menaik taraf pendidikan dalam kalangan pelajar kaum Iban agar tidak mundur berbanding arus perdana yang lain di negara ini. Secara teoritikal adalah, keseluruhan pelajar kaum Iban di luar bandar kurang pengetahuan dalam kemahiran literasi ICT disebabkan faktor-faktor seperti kurangnya kemudahan ICT, persekitaran, rakan sebaya dan sebagainya. Dengan ini boleh dirumuskan bahawa di sekolah, budaya literasi ICT dalam kalangan pelajar kaum Iban masih belum menular walaupun proses mengajar dan belajar menggunakan teknologi tersebut telah lama bertapak. Penguasaan pelajar terhadap literasi ICT, penggunaan komputer untuk mencapai sesuatu objektif, mengedar dan berkongsi juga untuk menjadi perantara ilmu secara global masih terbatas.

RUJUKAN

- Disney E. Lai (2008). Latihan Ict Dalam Sektor Awam. Bahagian Latihan dan Penyelidikan. Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.
- Kamarul Zaman Bin Sharif (2004). Literasi komputer di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 2 yang mengambil subjek kemahiran hidup bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah Perak. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kwok Chin Hoel & Haris Abd Wahab (2014). Kesan persekitaran fizikal ke atas keterlibatan komuniti Iban dalam program pembangunan di rumah panjang: Suatu pemerhatian awal. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lai, Disney (2008). Halatuju Pembangunan Modal Insan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri . Bahagian Latihan dan Penyelidikan,JPKN.
- Normala Ismail, Zaliha Hj. Hussin & Mohamad Kamil Ariff Khalid (2005). Tahap Literasi Komputer Pelajar Sekolah Menengah di Kedah. Jurnal Pendidikan 30 (129 – 139).

- Nor Syazwani Mat Salleh, Rosseni Din, Intan Farahana Kamsin, Siti Zuraida Abdul Manaf & Analisa Hamdan (2014). Kesediaan Kemahiran Literasi ICT dalam Kalangan Pelajar Orang Asli. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnaini Mahmud, Mohd Arif Hj. Ismail & Jalalludin Ibrahim (2011). Tahap Kemahiran dan Pengintegrasian ICT di kalangan Guru Sekolah Bestari. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

_____0000_____